



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	26/7/2013

Pedoman al-Quran dalam transformasi

BH - 26/7/2013

» Pelaksanaan pentadbiran junjung Maqasid Syariah: Najib

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mengajak umat Islam berusaha menterjemahkan pedoman al-Quran kepada program transformasi untuk melonjakkan martabat ummah di persada dunia.

Perdana Menteri berkata, dengan berpandukan petunjuk wahyu itu, kerajaan sentiasa memastikan segala pelaksanaan dalam pentadbiran negara menjunjung Maqasid Syariah yang memandu manusia untuk menuju ke arah kejayaan, kemakmuran dan kemajuan.

“Kemajuan yang didorong kitab suci itu ialah kemajuan yang berimbang, holistik dan adil kepada semua tanpa mengira kaum, bahasa dan agama,” katanya dalam perutusan sempena Nuzul al-Quran

1434H, dalam laman blognya semalam.

Doa satukan hati

Beliau menarik perhatian bahawa antara keberkatan Ramadan ialah peristiwa agung itu yang menjadi rahmat abadi yang dikurniakan kepada ummah.

Nuzul al-Quran merujuk kepada peristiwa turunnya ayat al-Quran pertama kepada Nabi Muhammad SAW pada 17 Ramadan.

“Saya berdoa agar dengan keberkatan Nuzul al-Quran

pada Ramadan yang agung ini, Allah sentiasa menyatukan hati kita semua, menyuntik semangat motivasi untuk menjaga agama dan negara,” katanya.

Al-Quran pedoman tertinggi

Perdana Menteri berkata, al-Quran adalah pedoman yang tidak bertepi, cahaya yang tidak akan padam, pembimbing yang tidak pernah jemu bagi membawa umat manusia menuju kehidupan yang mulia di dunia mahupun akhirat.

“Marilah kita semua berusaha mendekatkan diri kita dengan pedoman qurani ini. Hayatilah keindahan setiap lafaz kalimahannya, setiap pengertian dan maknanya.

“Sesungguhnya, al-Quran ini adalah pedoman tertinggi dalam kita menata diri, keluarga, masyarakat mahupun negara,” katanya. **BERNAMA**